



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar

Berita Harian - Dokumen Tak Lengkap Punca MyDeposit Ditolak

Berita Harian - Dokumen Tak Lengkap Punca MyDeposit Ditolak

🕒 Khamis, Dis 28 2017



Dokumen tak lengkap punca MyDeposit ditolak



Halimah berual bersama penduduk ketika melawat Kampung Kelantan di Kota Tinggi, semalam.

Kota Tinggi: Dokumen tidak lengkap adalah satu daripada tiga faktor utama permohonan awal Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) ditolak, sekali gus pemohon hilang kelayakan untuk menerima insentif sehingga RM30,000.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Halimah Mohamed Sideque, berkata dua faktor lain ialah pemohon tidak memenuhi syarat kelayakan ditetapkan sama ada pendapatan isi rumah kurang dari RM3,000 atau melebihi RM15,000.

Katanya, pembelian rumah daripada pemaju yang mendapat dana atau subsidi seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Program Perumahan Rakyat (PPR) dan lain-lain sama ada daripada kerajaan negeri atau Persekutuan juga menyebabkan per-

mohonan boleh ditolak.

"Apabila sudah buat permohonan yang memenuhi syarat, pemohon akan diberikan surat tawaran kelulusan bersetuju namun, selepas itu ada di antara mereka yang ditolak kerana selepas semakan ada di antara salah seorang, suami atau isteri sudah miliki rumah.

Gagal dapat pembiayaan

"Pemohon yang gagal mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan dan gagal kemukakan perjanjian jual beli juga menyebabkan mereka ditolak.

"Yang diluluskan adalah mereka yang berjaya dapat sediakan semua yang dikehendaki dalam masa 30 hari," katanya selepas melakukan lawatan turun padang di Kampung Kelantan di sini, semalam.

Halimah yang juga Ahli Parlimen Tenggara berkata, sejak di-

buka mulai 7 April 2016 hingga Oktober lepas, sejumlah 1,469 permohonan MyDeposit diluluskan dengan jumlah bayaran lebih RM39 juta.

2,871 permohonan berjaya

Beliau berkata, jumlah itu adalah daripada 6,298 pemohon yang mana 2,871 pemohon diberikan surat tawaran kelulusan bersetuju.

"Daripada 1,469 jumlah yang lulus, pemohon dari Selangor adalah paling ramai dengan jumlah permohonan sebanyak 1,989 permohonan yang mana 519 orang terima kelulusan.

"Ini diikuti Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang dan Johor.

"Kerajaan melalui Bajet 2018 juga memberikan peransaham peruntukan sebanyak RM25 juta berbanding RM20 juta tahun lalu untuk skim ini," katanya.

BERNAMA

Pekeliling Perbendaharaan



BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian <

Aplikasi Mudah Alih <

Laman Mikro <

e-Penyertaan & Maklumbalas <

Statistik & Prestasi <

Pautan <

Agensi <

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

